

Perisian pola busana tradisional dicipta

» Inovasi baharu jadikan fesyen klasik wanita Melayu kekal dikenali



Oleh Fatin Hafizah
Mohd Shahar
fatin@bh.com.my

Kecanggihan teknologi perkomputeran sememangnya membawa banyak manfaat terhadap pembangunan negara.

Bukan saja memberikan kemudahan dan penjimatan masa tetapi kepelbagaian fungsi kecanggihan teknologi hari ini, turut memberikan pembaharuan dalam bidang fesyen.

Menggunakan peluang tersedia, penerapan kecanggihan teknologi perkomputeran terkini digunakan dalam usaha memartabatkan lagi kedudukan fesyen busana tradisional wanita Melayu.

Berpegang matlamat untuk mengekalkan kedudukan busana tradisional, perisian pola berkomputer dicipta bagi membawa kemajuan dan pembaharuan dalam perkembangan industri rekaan pola busana itu.

Bawa pembaharuan

Felo Penyelidik Kanan (Pakaian dan Tekstil) Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Haziyah Hussin, berkata perisian pola berkomputer yang pertama dicipta itu mampu memberi pembaharuan dalam industri fesyen busana tradisional.

Katanya, inovasi pema-

ngunaan perisian komputer itu dikenali sebagai Pembinaan Protokol Reka Bentuk Busana Melayu, julung kali diperkenalkan di negara ini dan amat relevan seiring dengan permintaan serta perkembangan dunia teknologi terkini.

“Saya ingin meletakkan kedudukan pakaian dan fesyen tradisional wanita Melayu ke peringkat lebih tinggi, bahkan terus kekal dikenali masyarakat. Hari ini, pemakaian busana tradisional seakan hampir pupus kerana ia bukan saja jarang dipakai sebagai persalinan harian, malah tidak ramai tukang jahit yang tahu menghasilkannya lagi,” katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian dan memperkenalkan perisian berkenaan, di UKM, Bangi, baru-baru ini.

Projek lima tahun

Haziyah berkata, projek menelan masa hampir lima tahun untuk direalisasikan dan ia bakal menjengah pasaran fesyen menjelang bulan depan.

Perisian itu memuatkan 16 pola fesyen pakaian tradisional, termasuk rekaan baju kebarung, Kedah, kebaya dan banyak lagi.

Beliau berkata, projek itu turut mendapat kerjasama dari UKM dan pihak kerajaan serta berharap, kewujudan perisian komputer berkenaan membolehkan industri fesyen lebih berdaya saing.

“Perisian pola dihasilkan

menggunakan program enjin AutoCad itu mampu menghasilkan pelbagai rekaan, termasuk berpotongan sendat atau longgar mengikut permintaan semasa.

“Penggunaan perisiannya ringkas dan hanya menelan masa lima minit untuk menghasilkan rekaan pola sebelum dicetak untuk proses menjahit.

“Menggunakan kecanggihan teknologi ini, pemilik syarikat kini dapat menghasilkan rekaan busana tradisional lebih mencapai standard rekaan berkualiti dengan

cara mudah,” katanya.

Promosi busana Melayu

Beliau berkata, perisian berkenaan akan dikendalikan oleh perunding syarikat Haziyah Attire yang hanya membekalkannya kepada pemilik syarikat pakaian.

Penggunaan perisian itu bukan saja menepati perkembangan pesat kecanggihan teknologi tetapi memberikan pembaharuan dalam penghasilan koleksi fesyen secara besar-besaran.

“Menggunakan perisian ini, kita dapat pastikan kolek-

si diketengahkan memenuhi permintaan pelanggan yang menitikberatkan keselesaan dan kualiti baju dibeli mereka.

“Saya ingin melihat perisian ini digunakan secara terus dan dimanfaatkan untuk tujuan mempromosikan kedudukan busana Melayu yang semakin tidak dikenali dalam kalangan generasi muda hari ini.

“Sehubungan itu, menerusi syarikat pengeluar pakaian, saya yakin inovasi perincian ini dapat diperkukuhkan lagi, sekali gus membawa fesyen busana ini ke peringkat lebih jauh,” katanya.

“Perisian pola dihasilkan menggunakan program enjin AutoCad itu mampu menghasilkan pelbagai rekaan, termasuk berpotongan sendat atau longgar mengikut permintaan semasa”

Haziyah Hussin,
Felo Penyelidik Kanan
(Pakaian dan Tekstil)
ATMA, UKM



Dari kiri; Pembantu Tadbir Institut Alam dan Tamadun Melayu, Noor Azzila Mohd Amin, Farah Dina Ismail dan Farah Farzana Rasol pada majlis perasmian Web-Based Malay Apparel Protocol di UKM, baru-baru ini.